



5 Disember 2012  
5 December 2012  
P.U. (A) 432

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (TEMPOH PENGGANTUNGAN SEMENTARA) 2012

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION  
(TEMPORARY SUSPENSION PERIOD) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011**

**PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA  
(TEMPOH PENGGANTUNGAN SEMENTARA) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 209(1)(a) dan subseksyen 115(3) dan 180(1) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Tempoh Penggantungan Sementara) 2012.**
  
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 6 Disember 2012.

**Tempoh penggantungan sementara**

2. (1) Tertakluk kepada peraturan 3, jika Perbadanan atau orang dilantik mengambil alih kawalan suatu institusi anggota atau seorang penerima dilantik berkenaan dengan suatu institusi anggota menurut Akta, seksyen 109 Akta hendaklah menghalang penamatan suatu perjanjian kewangan yang layak bagi tempoh sepuluh hari berikut permulaan pengambilalihan kawalan atau pelantikan penerima.
  
- (2) Tertakluk kepada peraturan 3, jika seorang konservator telah dilantik untuk mentadbirkan orang terjejas, tiada seorang pun yang menjadi pihak balas kepada suatu perjanjian kewangan yang layak dengan orang terjejas boleh menamatkan perjanjian itu, menjalankan apa-apa hak tolakan di bawah perjanjian itu atau menjalankan apa-apa remedii atau hak terhadap orang terjejas atau asetnya, berkenaan dengan suatu perjanjian kewangan yang layak, bagi tempoh sepuluh hari berikut pelantikan konservator.